



**KEJOHANAN SUKAN STAF  
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA  
PERATURAN GOLF**



## **1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

- 1.1 Kejohanan ini dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh "*The Royal and Ancient Golf Club of St. Andrews*" dan peraturan-peraturan tempatan berkaitan, melainkan apa-apa kekecualian atau keputusan lain yang ditetapkan oleh jawatankuasa penganjur.
- 1.2 Pemain akan bermain 18 lubang pada hari pertama dan 18 lubang pada hari kedua di lapangan yang sama untuk semua kategori.
- 1.3 Sekiranya keputusan seri, pemenang akan diputuskan berdasarkan OCB seperti berikut:
  - 1.3.1 18 lubang hari kedua.
  - 1.3.2 9 lubang hari kedua.
  - 1.3.3 6, 3, 1 lubang terakhir 9 hari kedua.
- 1.4 Bagi keputusan kategori Nett, pemenang akan ditentukan kiraan secara net iaitu skor gross ditolak dengan handicap. Skor net tidak boleh melebihi **6 dibawah par** untuk jumlah nett 2 hari kejohanan. Sekiranya keputusan seri, pemenang akan diputuskan berdasarkan OCB seperti berikut:
  - 1.4.1 Handicap rasmi yang terendah.
  - 1.4.2 18 lubang hari kedua.
  - 1.4.3 9 lubang hari kedua.
  - 1.4.4 6, 3, 1 lubang terakhir 9 hari kedua.

## **2. PENDAFTARAN PEMAIN**

- 2.1 Setiap IPTA adalah bertanggungjawab menentukan bahawa hanya staf yang layak dipilih untuk mewakili pasukan Pemain Universiti masing-masing. Jika peserta didapati tidak layak, maka peserta tersebut atau pasukan yang diwakilinya akan dianggap terbatal daripada kejohanan.

- 2.2 Susunan lapangan dan giliran pemain adalah mengikut ketetapan yang dibuat oleh jawatankuasa penganjur bagi setiap lapangan. Susunan dan giliran berhak ditentukan oleh jawatankuasa penganjur.
- 2.3 Jawatankuasa penganjur berhak mengubah susunan dan giliran permainan peserta-peserta sebelum pertandingan.
- 2.4 Peserta-peserta kejohanan hendaklah melapor diri 15 minit sebelum masa giliran permainan yang ditetapkan. Pemain yang melaporkan diri lewat dari masa yang ditetapkan akan dibatalkan penyertaannya.
- 2.5 Khidmat kedi tidak dibenarkan kecuali di lapangan yang mewajibkan menggunakan khidmat kedi.

### **3. ACARA/KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN**

#### **3.1 Kategori Kejohanan**

Kejohanan Golf Sukan Universiti Awam Malaysia (SUKUM) 2022 dipertandingkan di dalam kategori-kategori berikut:

##### **3.1.1 Kategori Pasukan**

3.1.1.1 **Kategori IPTA Gross** – Kategori Kategori ini boleh diwakili tidak melebihi daripada empat (4) pemain sahaja. Jumlah skor gross (*stroke play*) dari empat (4) pemain terbaik akan diambil kira bagi menentukan pemenang Pasukan IPTA Gross.

3.1.1.2 **Kategori IPTA Nett** – Kategori ini boleh diwakili tidak melebihi daripada empat (4) pemain sahaja. Jumlah skor (*stroke play*) nett (berdasarkan handicap sebenar peserta dan maksima 18 sahaja).

##### **3.1.2 Kategori Individu**

3.1.2.1 **Individu Gross** – Johan individu Gross berdasarkan jumlah skor (*stroke play*) gross untuk 36 lubang.

3.1.2.2 **Individu Nett** – Johan individu Nett berdasarkan jumlah skor (*stroke play*) nett untuk 36 lubang (berdasarkan handicap rasmi MGA terkini dan tidak melebihi 18 sahaja).

### **4. YURAN PENYERTAAN**

- 4.1 Kadar yuran penyertaan adalah **RM400/peserta**

## 5. RINGKASAN PINGAT

<b>KATEGORI</b>	<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>	<b>GANGSA</b>
Gross	1	1	1
Nett	1	1	1
Berpasukan Gross	1(4)	1(4)	1(4)
Berpasukan Nett	1(4)	1(4)	1(4)
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>4</b>